

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Apabila Siswazah Bergelumang Lumpur
07. Mar 2008
Utusan Malaysia
Supplement
238082
833287

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
MALAY
12,13
1747 cm2
Daily
Full Color



MUKA 12
Pertanian
Kembali Gemilang

KELUARAN KHAS
UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 7 MAC 2008



SISWAZAH mencuba ternakan Kupang di Sg. Rambai, Melaka hasil bantuan Bank Pertanian Malaysia.

Apabila siswazah bergelumang lumpur

BANK Pertanian Malaysia (BPM) sememangnya institusi perbankan yang ditubuhkan kerajaan untuk membantu golongan petani meningkatkan usaha mereka dengan memberi bantuan kewangan.

Kini, bank itu telah memperluaskan skim bantuannya dan tidak terhad kepada para petani sahaja tetapi juga kepada lepasan universiti yang berminat menceburi bidang tersebut secara komersial.

Salah satu skim yang menarik ialah Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah (SUTKS) yang menawarkan peluang kerjaya dalam bidang pertanian kepada siswazah, baik untuk diusahakan secara bersendirian atau berkelompok.

Salah satu projek SUTKS yang sedang dijalankan ketika ini ialah penternakan kupang di kawasan pantai Sebatu, Umbai dan Teluk Mas di sempadan perairan Melaka dan Johor yang sememangnya terkenal sebagai kawasan pembiakan ternakan tersebut.

Ketiga-ketiga kawasan tersebut merupakan kawasan pertembungan air tawar dan air masin yang sama banyak, sekali gus mewujudkan ekosistem yang paling sesuai untuk pembiakan kupang.

Membabitkan 33 orang peserta setakat ini yang dibahagikan kepada dua kelompok mengikut kawasan penternakan.

Dengan latar belakang universiti dan bidang pengajian berbeza, kesemua siswazah tani itu secara bekerjasama mengendalikan 10 pelantar atau tempat pembiakan kupang di kawasan yang dikenali pasti.

Menerusi SUTKS, kelompok peserta di Melaka ini yang beroperasi di bawah

syarikat USMA Brilliant Enterprise diberikan pinjaman berjumlah RM50,000 seorang dan dibiayai secara berperingkat, bergantung kepada fasa perkembangan projek tersebut.

Ketika ini misalnya, sebanyak kira-kira satu pertiga peruntukan telah digunakan bagi membina pelantar dari batang nibung yang menelan kos kira-kira RM13,000 setiap pelantar.

Menariknya mengenai penternakan kupang sehingga dipilih untuk dijadikan projek SUTKS berkelompok oleh BPM ialah, ia merupakan salah satu cabang perusahaan yang mendapat permintaan tinggi namun kurang diusahakan.

Justeru, permintaannya sering kali melebihi pengeluaran dan kupang yang diusahakan oleh penduduk setempat atau melalui Jabatan Perikanan ketika ini pula hanya mampu menampung bekalan di negeri Selangor, Johor dan Perak sahaja.

Penternakan kupang yang diusahakan oleh peserta SUTKS ini secara ringkasnya membabitkan kira-kira 1,000 tali yang diikat pada setiap pelantar dan digantung menjulur ke dalam laut sebagai tempat pembiakan kupang.

Dalam tempoh tiga bulan, anak-anak benih kupang biasanya akan mula membiak di sepanjang tali dan pada peringkat ini, kira-kira 40 peratus anak kupang akan dikutip dan dijual sebagai anak benih.

Baki kupang pada 600 tali lain akan dijaga dan dibiarkan membesar sehingga mencapai tahap matang dan boleh dituai iaitu kira-kira tujuh bulan kemudiannya melengkap tempoh 10 bulan fasa penternakan penuh.

Kitaran penternakan tersebut akan berlangsung

sepanjang tahun mengikut musim iaitu pembiakan kupang yang paling aktif adalah di antara Disember dan Mac sehinggalah kepada bulan Julai sebelum dituai kebiasaannya pada bulan November.

Secara purata, kupang yang membiak pada setiap tali boleh mencecah berat sehingga 30 kilogram (kg) atau kira-kira 13 hingga 15 tan kupang bagi setiap pelantar.

Setiap peserta dianggarkan boleh menjana pendapatan sehingga RM13,000 hingga RM15,000 setiap pelantar pada satu-satu musim.

Kerja-kerja pemantauan projek penternakan kupang juga tidak memerlukan perbelanjaan yang tinggi, malah kupang juga tidak perlu diberi makan kerana mendapat sumber makanan semula jadi dari laut.

Berikutan kawasan sepanjang pantai Setabu, Umbai dan Tanjung Mas merupakan lubuk pembiakan kupang, kawasan tersebut kini telah diwartakan oleh kerajaan negeri Melaka dan Jabatan Pertanian sebagai Taman Pengeluaran Makanan Kekal dan Zon Industri Akuakultur.

Mengikut perancangan, menjelang 2010, kawasan tersebut bakal mempunyai kira-kira 400 pelantar termasuk kira-kira 100 pelantar milik peserta di bawah SUTKS BPM.

"Sekiranya sasaran ini dapat dicapai, BPM seterusnya akan membantu peserta SUTKS membina sebuah kilang pemrosesan kupang berteknologi tinggi dengan kerjasama daripada Jabatan Perikanan dan kerajaan negeri Melaka.

Ketiga-tiga kawasan tersebut merupakan kawasan pertembungan air tawar dan air masin yang sama banyak, sekali gus mewujudkan ekosistem yang paling sesuai untuk pembiakan kupang.

Namun, projek tersebut berupaya mengikis mentaliti di kalangan graduan

Menariknya mengenai penternakan kupang sehingga dipilih untuk dijadikan projek SUTKS berkelompok oleh BPM ialah, ia merupakan salah satu cabang perusahan yang mendapat permintaan tinggi namun kurang diusahakan

sebaik menggenggam segulung ijazah, mereka cenderung kepada memohon pekerjaan baik dalam sektor kerajaan atau swasta.

Tidak ramai yang berani memilih untuk memulakan kerjaya sendiri seperti menjadi usahawan apatah lagi jika ia berkaitan dengan sektor pertanian dan bergelar seorang petani atau penternak.

Berbeza dengan peserta SUTKS BPM ini, mereka sebaliknya mengangap peluang untuk bergelar usahawan tani lebih luas terbuka dan mendatangkan pulangan lumayan apatah lagi dengan galakan dan sokongan yang diberikan oleh institusi kewangan di negara ini seperti Bank Pertanian Malaysia.

Seorang peserta, Nor Rashidi Zainal, 27 yang merupakan graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia ini merupakan antara peserta SUTKS yang paling menonjol dan komited sehingga dipilih sebagai Pengurus Projek Penternakan Kupang dan Ketua USMA Melaka.

Menurutnya, minat untuk bergelar usahawan telah lama wujud dalam dirinya

dan kejayaan melanjutkan pelajaran ke universiti digunakan sebaik mungkin untuk memperkasakan diri sebelum bergelar seorang usahawan.

"Saya memilih untuk memilih mengusahakan penternakan kupang ini kerana yakin dengan potensi dan pulangan lumayan yang bakal diperolehi.

Bagi anak kelahiran Sarawak, Muhamad Imran Jambai Dingun Abdullah, 32, sekali pun terpaksa berjauhan dengan keluarga, namun kerana mengejar cita-cita bergelar usahawan tani berjaya, dugaan itu ditempuh dengan penuh kesabaran.

"Dengan bantuan dan sokongan daripada BPM, saya yakin cita-cita saya untuk bergelar usahawan akan tercapai. Sekalipun perjalanannya masih jauh, namun melihat kepada potensi penternakan kupang ini, saya yakin mampu mencapainya," katanya yang juga graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya

NorSuzana Baharuddin, 25, yang pernah bekerja sebagai pegawai kontrak di ibu negara memberanikan diri meletakkan jawatan dan merebut peluang yang ditawarkan lantaran keinginan untuk bergelar usahawan tani yang berkobar-kobar.

NorSuzana berkelulusan Diploma Teknologi Maklumat dari Universiti Utara Malaysia.

Sharmila Mohd. Nasser, 30, ibu kepada seorang cahayamata ini bukan kali pertama menceburkan diri sebagai seorang usahawan tani.

Dia pernah mengusahakan penternakan puyuh dan ayam dua tahun lalu bersama abang dan ayahnya juga menerusi skim yang ditawarkan BPM.

"Sebelum menyertai projek ini, saya banyak menjalankan penyelidikan di Internet dan mendapatkan maklumat dari pengusaha kupang lain mengenai risiko dan peluang pendapatan daripada projek ini.



SHARMILA MOHD NASSER



NOR RASHIDI ZAINAL



NORSUZANA BAHARUDDIN



MUHAMAD IMRAN JAMBAI DINGUN ABDULLAH



KAWASAN tapak ternakan kupang yang diusahakan siswazah di Melaka.